



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred Lantikan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Jurutera	Kejuruteraan	J41	Kontrak	1
2.	Juruteknik Komputer	Sistem Maklumat	FT19	Kontrak	1
3.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Kewangan	W19	Kontrak	1
4.	Pegawai Skim Perkhidmatan Singkat	<i>Contract for Services</i>	Setaraf SPM/ Gred 19	Kontrak (Contract for Services)	4

SKIM PERKHIDMATAN : **JURUTERA**  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
GRED JAWATAN/GAJI : J41  
TARAF LANTIKAN : KONTRAK

### **JADUAL GAJI**

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

### **SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia ;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00).

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 ; dan
  - (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **DESKRIPSI TUGAS**

- (4) (a) Merancang dan mengoperasikan Pusat Kawalan *LUAS Intelligent Support System, LiSS* bagi memastikan pengurusan sumber air secara holistik dan mempunyai kelebihan dalam bidang permodelan/*modelling* hidrologi dan hidraulik.
- (b) Menyelaras, mengurus dan menyelenggara stesen pemantauan kuantiti dan kualiti air secara telemetri bagi memastikan kelangsungan pembekalan data ke portal *Integrated Water Resource Information System, IWRIMS*.
- (c) Menyelaras pengurusan dan pemantauan empangan-empangan dengan pihak berkepentingan.

SKIM PERKHIDMATAN : **JURUTEKNIK KOMPUTER**  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
GRED JAWATAN/GAJI : FT19  
TARAF LANTIKAN : KONTRAK

### JADUAL GAJI

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM1,377.00	RM4,052.00	RM100.00

### SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia ;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,377.00) atau
  - (d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,435.12) atau
  - (e) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,493.24)

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- (3) (a) Membantu melakukan servis, penyelenggaraan, pemasangan dan pembaikan ke atas perkakasan dan perisian ICT untuk keperluan kakitangan LUAS.
- (b) Membantu memantau operasi dan perkhidmatan ICT merangkumi Pusat Data, sistem rangkaian & keselamatan, capaian internet dan emel di ibu pejabat dan pejabat cawangan LUAS.
- (c) Membantu menyediakan logistik ICT untuk keperluan program/aktiviti LUAS dalaman dan luaran termasuk pengurusan peminjaman dan pemulangan peralatan ICT.
- (d) Membantu melaksanakan kajian pasaran dan pengurusan perolehan ICT.
- (e) Membantu menguruskan aduan ICT dan menyediakan pelaporan bulanan.

SKIM PERKHIDMATAN : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
GRED JAWATAN/GAJI : W19  
TARAF LANTIKAN : KONTRAK

### **JADUAL GAJI**

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM1,353.00	RM4,005.00	RM100.00

### **SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia ;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,353.00) atau
  - (d) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau
  - (e) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau
  - (f) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80) atau
  - (g) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- (3) (a) Melaksanakan pengurusan Pesanan Tempatan.
- (b) Melaksanakan pengurusan pemprosesan pembayaran bil-bil, invois dan tuntutan kakitangan.
- (c) Melaksanakan pengurusan Terimaan.
- (d) Melaksanakan pengurusan rekod jabatan dengan teratur dan dipelihara secara sistematik.
- (e) Melaksanakan pengurusan mesyuarat mengikut garis paduan.
- (f) Membuat laporan terimaan dan perolehan untuk setiap bulan.
- (g) Menyediakan penyata penyesuaian bank untuk LUAS.
- (h) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Akauntan / Penolong Akauntan dari semasa ke semasa.

SKIM PERKHIDMATAN : **PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT**  
GRED JAWATAN/GAJI : SETARAF SPM/ GRED 19  
TARAF LANTIKAN : *CONTRACT FOR SERVICES*

### **JADUAL GAJI**

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM1,600.00	-	-

### **SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan:
    - (i) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan; atau
    - (ii) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
  - (d) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
  - (e) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



## **TEMPOH PERKHIDMATAN**

- (3) Tempoh minimum perkhidmatan yang ditawarkan Lembaga adalah selama satu (1) tahun (bermula dari tarikh lantikan).

## **DESKRIPSI TUGAS**

- (4) Membantu pegawai dalam tugas-tugas di lapangan/tapak operasi; memantau sumber air (kawasan tadahan, kawasan warta dan kolam-kolam alternatif), pengurusan pengoperasian pam air, menyiasat /menganalpasti pencemaran air di lapangan, melaksana *standard operation procedure* (sop) di tapak operasi, merekod data dan melapor kemajuan projek, serta menerima dan menguruskan aduan yang berkaitan operasi pengepaman air kolam.

## SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (online) melalui laman web <https://eperjawatan.luas.gov.my>. Sila rujuk 'manual pengguna' yang disediakan dalam talian.
- (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut ;
  - (a) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
  - (b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
  - (c) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.

Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**

- (3) Setiap Pemohon perlu membeli No.Pin yang berharga **RM10.00** bagi setiap jawatan. Pembayaran boleh dilakukan secara Tunai di Kaunter LUAS atau secara atas talian.
- (4) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (5) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga dan dimohon untuk membawa dokumen-dokumen asal seperti Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan Persekolah dan lain-lain (Dokumen berkenaan akan dimaklumkan dalam Surat Tawaran Panggilan Temuduga LUAS)
- (6) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (7) Pihak LUAS tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 JULAI 2022 (ISNIN)**